

26 NOV 2002

Najib-Khidmat

KABINET AKAN PUTUSKAN BENTUK PROGRAM KHIDMAT NEGARA

PEKAN, 26 Nov (Bernama) -- Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata cadangan pelaksanaan program Khidmat Negara yang akan dilaksanakan pada tahun 2004 akan dibentangkan ke kabinet tahun depan selepas mengambilkira pelbagai pandangan.

Beliau yang juga pengerusi Jawatankuasa kabinet program berkenaan berkata pada masa ini jawatankuasa berkenaan sedang mengumpul pelbagai pandangan dan pendapat pelbagai pihak mengenai bentuk dan kaedah pelaksanaannya.

"Setakat ini, kita mengumpulkan pandangan dan cadangan pelbagai pihak, jadi saya nak tentukan keputusan atau pendapat saya bila sampai masanya," katanya kepada pemberita selepas majlis berbuka puasa bersama penduduk kampung Batu 8, Lepar, dekat sini malam tadi.

"Kita hendak jumpa pelbagai kumpulan, biar bagi saya masa dulu sebelum saya bentang dalam jawatankuasa kabinet, saya tak mahu saya seorang buat keputusan, jawatankuasa kabinet (yang akan) buat keputusan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas berkenaan cadangan Naib Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) Tan Sri Lee Lam Thye semalam yang mencadangkan tempoh program itu dipanjangkan dari enam bulan kepada sembilan bulan.

"Kita dalam proses menerima pelbagai cadangan, kita tidak hendak beri kata putus pada masa sekarang, alasan enam bulan itu supaya lebih fleksibel lagi kerana perlu ada tindakan susulan selepas program ini diadakan," katanya.

Najib berkata jawatankuasa itu akan mengambilkira cadangan pihak lain termasuk memanjangkan tempoh program itu yang dikatakan dapat memantapkan lagi usaha pembentukan peribadi dan semangat patriotisme di kalangan generasi muda.

Ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyifatkan tindakan Australia sebagai melampau kerana menyamai Amerika Syarikat daripada segi tujuan dan taktik dalam perang menentang keganasan, Najib berkata Australia perlu menentukan jati dirinya sendiri.

"Malaysia berpendapat bahawa Australia dalam satu segi, dia hendak rapat dengan Asia dan termasuk Asia Tenggara tetapi disamping itu dasar-dasar dan sikapnya tidak selaras dengan sikap Asia dan juga sikap negara-negara di kawasan ini.

"Jadi maknanya Australia kena tentukan jati dirinya terlebih dahulu dan ke arah mana dia hendak pergi sebagai sebuah negara, sama ada rapat atau mirip dengan negara kawasan ini atau berpegang dengan hubungan tradisionalnya dengan Amerika dan Britain," katanya.

Dr Mahathir dipetik dalam laporan akhbar The Australian berkata; "Jika anda (Australia) mengambil pendirian menjadi sheriff atau timbalan sheriff kepada Amerika, anda sudah tentunya tidak dapat diterima oleh negara rantau ini," katanya dalam temuramah dengan Editor Luar Negeri akhbar The Australian Greg Sheridan.

-- BERNAMA

MS LAT